KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN,
NO. 5 PERSIARAN PERDANA PRESINT 2,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62592 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8882 3000
Cabel : TREASURY, KL
Telex : FEDTRY MA 32369
Fax : 03-8882 3893/03-8882 3894
Web : http://www.treasury.gov.my

CR(8.09)198-61 JLD.9 (SK.8)(11)

14 November 2011

RECEIVED
18 NOV 2011
BY: .....

YBhg. Dato' Sri Haji Mohamed Khalid Haji Yusuf
Ketua Pengarah Kastam
Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 3, Persiaran Perdana, Presint 2
62596 PUTRAJAYA

No. Faks : 03-8889 5901

YBhg. Dato' Sri,

Layanan Cukai Perkhidmatan Di Zon Bebas (Zon Perindustrian Bebas dan Zon Perdagangan Bebas), Pulau Bebas Cukai Dan Kawasan Pembangunan Bersama

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa YB Menteri Kewangan bersetuju supaya:

(a) **Pengecualian cukai perkhidmatan <u>diluluskan</u> mulai 1 Januari 2012** di bawah Seksyen 6 Akta Cukai Perkhidmatan 1975 ke atas:

i. semua perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh mana-mana orang **dalam zon bebas** dan dibekalkan kepada mana-mana orang **dalam zon bebas**;

ii. semua perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh mana-mana orang **dalam zon bebas** dan dibekalkan kepada mana-mana orang **dalam kawasan utama kastam**;

iii. semua perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh mana-mana orang **dalam kawasan utama kastam** dan dibekalkan kepada mana-mana orang **dalam zon bebas**; dan

iv. semua perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh mana-mana orang **dalam kawasan utama kastam** atau **dalam zon bebas** berkaitan dengan apa-apa perkara di **Langkawi, Tioman, Labuan dan Kawasan Pembangunan Bersama** ***(Joint Development Area)***.

(b) **Permohonan** daripada mana-mana orang untuk **pulang balik cukai perkhidmatan** tersebut di perenggan (a) di atas **yang telah dibayar sebelum 1 Januari 2012** adalah **<u>tidak diluluskan</u>**;

b.p. KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN
BAHAGIAN ANALISA CUKAI
MALAYSIA

(c) **Cukai perkhidmatan** ke atas semua perkhidmatan tersebut di perenggan (a) di atas **yang tidak dikutip sebelum 1 Januari 2012 diremitkan** di bawah Seksyen 22, Akta Cukai Perkhidmatan 1975;

(d) **Cukai perkhidmatan tidak dikenakan** bagi:

i. semua perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh mana-mana orang **dalam zon bebas** dan dibekalkan kepada mana-mana orang **dalam Langkawi, Labuan, Tioman dan Kawasan Pembangunan Bersama** (*Joint Development Area*); dan

ii. semua perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh mana-mana orang **dalam kawasan utama kastam** dan dibekalkan kepada mana-mana orang **dalam Langkawi, Labuan, Tioman dan Kawasan Pembangunan Bersama** (*Joint Development Area*).

(e) **Pengecualian cukai perkhidmatan seperti di perenggan (a) dan perkhidmatan yang tidak dikenakan cukai seperti di perenggan (d) adalah terpakai sehingga Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dikuatkuasakan** dan semua bekalan perkhidmatan hendaklah tertakluk kepada layanan yang ditetapkan di bawah perundangan GST kelak.

3. Sehubungan itu, pihak YBhg. Dato' Sri hendaklah melaksanakan keputusan dasar ini di semua peringkat stesen Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan juga memaklumkan kepada semua industri yang berkaitan. Di samping itu, dipohon juga maklumat lanjut mengenai dasar ini dimuat naik di dalam laman web JKDM untuk pengetahuan semua pihak berkaitan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(Dato' Siti Halimah Ismail)
Setiausaha Bahagian Analisa Cukai,
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan.